

**TEKS UCAPAN
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL
FATTAH ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA**

**MAJLIS PERASMIAN MESYUARAT
AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN
KALI KE-27 TAHUN 2023 KOPERASI
KASTAM MALAYSIA BERHAD**

8 OKTOBER 2023
8.30 PAGI

Bismillahirrahmannirrahin
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Madani,

1. Syukur kepada Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurniannya kerana pada hari ini kita semua dapat berkumpul untuk menunaikan tanggungjawab sebagai sebuah koperasi melalui penganjuran Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-27 Koperasi Kastam Malaysia Berhad

2. Setinggi – tinggi penghargaan diucapkan kepada pihak koperasi kerana telah menjemput saya untuk merasmikan mesyuarat pada hari ini. Syabas dan tahniah juga kepada sekraiteriat kerana mengatur perjalanan mesyuarat dan kehadiran anggota koperasi menunjukkan sokongan serta

semangat untuk menjayakan hala tuju koperasi ini.

Hadirin dan Hadirat Yang Dihormati Sekalian,

3. Koperasi Kastam Malaysia Berhad boleh dikatakan tergolong dalam kategori koperasi yang matang

dan kukuh jika dilihat daripada usia penubuhannya iaitu 44 tahun. Kematangan dan kekukuhan bukan sahaja diukur daripada keupayaan mengeluarkan dividen yang tinggi, malah ia juga dilihat dari segi keupayaan mengharungi cabaran-cabaran perniagaan dan

sebanyak mana ia menyumbang kepada anggotanya.

4. Usaha memperkasa taraf kehidupan anggota melalui perniagaan berdaya maju harus diberi keutamaan dan diteruskan oleh koperasi. Sebagai entiti demokrasi suara anggota perlu

diberi perhatian oleh Ahli Lembaga bagi memastikan perjalanan koperasi seiring meliputi kepentingan anggotanya.

5. Manakala kepimpinan koperasi perlu mempunyai visi dan misi yang jelas dalam mengemudi perniagaan koperasi serta perlu

menyuntik elemen inovasi secara berterusan sejajar dengan landskap ekonomi yang kian berubah.

6. Penerapan digitalisasi dalam urusan koperasi juga harus menjadi keutamaan dalam memperkukuh operasi koperasi dalam era digital ini. Promosi produk dan

perkhidmatan secara tradisional dilihat semakin tidak relevan buat masa ini. Peningkatan teknologi Kecerdasan Buatan (AI) memberi satu peluang kepada gerakan koperasi untuk berevolusi.

7. Justeru adalah amat perlu anggota lembaga dan pengurusan cakna

dengan kepesatan teknologi ini. Saya yakin kepemimpinan koperasi telah mengambil langkah sewajarnya dalam perkara ini dan kita mampu untuk memberi daya saing kepada pemain industri di luar sana dengan sokongan semua pihak.

Hadirin dan Hadirat Yang Dihormati Sekalian,

8. Kepelebagaian dalam perniagaan amatlah perlu untuk memastikan koperasi mempunyai sumber pendapatan yang tidak tertumpu kepada satu perniagaan Sahaja. Ini juga selaras dengan landskap

ekonomi yang berubah seiring dengan permintaan pasaran. Namun kajian juga harus dibuat sebelum keputusan dibuat dalam menjalankan sesuatu projek.

9. Disebabkan itu juga ANGKASA menubuhkan anak syarikat dan menjalankan proses eksplorasi dan

inkubasi bagi mencari peluang untuk koperasi turut bersama dalam perniagaan berimpak tinggi yang boleh meningkatkan lagi pendapatan koperasi serta memberi impak yang lebih besar kepada pembangunan negara.

10. Selain itu ANGKASA juga giat menjalin kerjasama dengan koperasi di peringkat global dengan tujuan kita hendak luaskan pasaran produk dan perkhidmatan koperasi di negara ini. Semenjak 1972 ANGKASA telah menjadi ahli International Cooperative Alliance (ICA) dan rentetan itu banyak

program berskala global telah diadakan di Malaysia.

11. Kerjasama dengan kerajaan dan agensi juga sesuatu yang sangat dititikberatkan oleh ANGKASA. Selain daripada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, kita juga ada kerjasama

dengan kementerian lain. Ini penting supaya koperasi juga dapat peluang untuk terlibat secara terus dalam sektor utama yang ada di negara ini.

12. Saya yakin atas dasar kerjasama antara koperasi semua, gerakan ini akan kekal teguh dalam

menyumbang kepada peningkatan taraf hidup anggota serta membantu mengurangkan kesan dari cabaran kos sara hidup.

**Hadirin dan Hadirat Yang Dihormati
Sekalian,**

13. Syabas dan tahniah kepada Ahli Lembaga dan kepimpinan Koperasi Kastam Malaysia Berhad segala usaha dan tenaga yang dicurahkan dalam usaha mengurus tadbir koperasi ini dengan sebaik mungkin.

14. Saya berharap mesyuarat pada hari ini daapt dijalankan secara teratur dan mencapai objektifnya Insyallah. Semoga Koperasi Kastam Malaysia Berhad akan terus memberi khidmat terbaik kepada anggotanya dan lebih berdaya saing pada masa hadapan.

15. Dengan lafaz
Bismillahirrahmanirrahim, saya
dengan ini merasmikan **MESYUARAT
AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN
KALI KE-27 TAHUN 2023 KOPERASI
KASTAM MALAYSIA BERHAD**

Sekian, terima kasih.

Wabillahittaufiq walhidayah
wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.